

Memorandum

Ruj. Kami : USM.35/3 JLD. XIII
Tarikh : **24** Februari 2026
Kepada : Semua Staf Kumpulan Pengurusan dan Profesional
Universiti Sains Malaysia

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-6533888
www.usm.my

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 14 TAHUN 2026

PEMBERIAN INSENTIF BERASASKAN PRESTASI (BIPs) BAGI PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL PERKHIDMATAN AWAM

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan **Surat Edaran Rujukan: JPA.(S).600-1/3/44 (13)** bertarikh 19 Disember 2025 - Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP.5.1.3: Pemberian Insentif Berasaskan Prestasi Bagi Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional Perkhidmatan Awam Persekutuan mengenai perkara yang sama.

2. Ceraian Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan menjelaskan mengenai pelaksanaan Pemberian Insentif Berasaskan Prestasi (BIPs) bagi pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA). Syarat kelayakan dan pelaksanaan pemberian BIPs kepada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah seperti di **Lampiran A**.


3. Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(SARINA BINTI RAZAK)

Timbalan Pendaftar


Bahagian Sumber Manusia

- Menjalankan Fungsi Ketua Bahagian Sumber Manusia

s.k Naib Canselor

Pendaftar

Tel : 04 – 6536070/6071 E-mel : sarina_razak@usm.my Laman web : bsm.usm.my



**PEMBERIAN INSENTIF BERASASKAN PRESTASI (BIPs) BAGI PEGAWAI KUMPULAN
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL PERKHIDMATAN AWAM**

1. Syarat kelayakan pemberian BIPs

- a) Pegawai lantikan tetap yang telah disahkan dalam perkhidmatan yang berada dalam skim SSPA;
- b) Pegawai dalam skim perkhidmatan yang laluan kenaikan pangkatnya hanya tertakluk kepada kekosongan jawatan. Senarai skim perkhidmatan yang layak bagi urusan ini adalah sebagaimana di **Lampiran B**; dan
- c) Telah memenuhi tempoh perkhidmatan di gred semasa pada 31 Disember tahun penilaian seperti yang ditetapkan dalam **Jadual 1** seperti berikut:

Gred	Tempoh Perkhidmatan
9	8 tahun dan ke atas
10	8 tahun dan ke atas
12	6 tahun dan ke atas
13	6 tahun dan ke atas
14	6 tahun dan ke atas

- d) Memperoleh wajaran markah Laporan Penilaian Prestasi (LPP) sekurang-kurangnya 85% bagi tiga (3) tahun terkini. Dalam keadaan tertentu di mana penilaian prestasi tidak dapat dilaksanakan, markah LPP bagi dua (2) tahun atau satu (1) tahun boleh digunakan dengan wajaran yang ditetapkan dalam **Jadual 2** seperti berikut:

Wajaran Markah LPP Keseluruhan			
Tahun Pertama (%)	Tahun Kedua (%)	Tahun Ketiga (%)	Jumlah Keseluruhan (%)
(a)	(b)	(c)	
20	35	45	100
-	43.75	56.25	100
30.80	-	69.20	100
-	-	100	100

- e) Markah LPP tahun terkini hendaklah sekurang-kurangnya 85%;
- f) Lulus tapisan tatatertib bagi tahun penilaian;
- g) Diperaku oleh Ketua Jabatan; dan
- h) Diluluskan Panel Pembangunan Sumber Manusia Peringkat Universiti (PPSMPU).

2. Kaedah pelaksanaan bayaran BIPs adalah seperti berikut

- a) Pihak Bahagian Sumber Manusia (BSM) akan mendapatkan perakuan Ketua Jabatan bagi pegawai yang memenuhi syarat yang ditetapkan;
- b) Kadar BIPs adalah mengikut kadar satu (1) Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) yang diterima pegawai di gred semasa;
- c) Pembayaran BIPs hanya dilaksanakan setelah berakhir tahun penilaian dan mendapat kelulusan PPSMPU;
- d) BIPs dibayar secara bulanan bagi tempoh Januari hingga Disember dalam tahun pembayaran (tahun berikutnya selepas tahun penilaian);
- e) BIPs akan dihentikan bagi situasi berikut:
 - i. Cuti Tanpa Gaji, Cuti Separuh Gaji, Cuti Belajar Bergaji Penuh, Cuti Belajar Separuh Gaji atau Cuti Belajar Tanpa Gaji;
 - ii. Ditukar sementara, dipinjamkan, atau penempatan silang ke sesuatu jawatan/Agensi;
 - iii. Dikenakan hukuman tatatertib turun pangkat atau buang kerja;
 - iv. Memangku ke gred kenaikan pangkat seterusnya; atau
 - v. Bersara, melepaskan jawatan, meletakkan jawatan, ditamatkan perkhidmatan atau meninggal dunia.

**SENARAI SKIM PERKHIDMATAN YANG DIPERUNTUKKAN LALUAN KENAIKAN PANGKAT
SECARA MENGGISI KEKOSONGAN JAWATAN SAHAJA**

Bil.	Nama Skim
1	Guru Bahasa
2	Juru X-Ray
3	Jururawat
4	Jurutera
5	Pegawai Belia dan Sukan
6	Pegawai Dietetik
7	Pegawai Hal Ehwal Islam
8	Pegawai Kebudayaan
9	Pegawai Keselamatan
10	Pegawai Optometri
11	Pegawai Pembangunan Masyarakat
12	Pegawai Pemulihan Perubatan
13	Pegawai Psikologi
14	Pegawai Tadbir
15	Pegawai Teknologi Makanan
16	Pegawai Teknologi Maklumat
17	Pegawai Undang-undang
18	Pegawai Veterinar
19	Penerbit Rancangan
20	Pegawai Kesihatan Persekitaran
21	Penolong Pegawai Perubatan
22	Pereka
23	Pustakawan
24	Perancang Bahasa
25	Perangkawan